



Pakej Umrah Scoot promo from Kuala Lumpur

Jeddah · 11 hari

Hari 1

Kuala Lumpur – Jeddah / Taif

Jemaah diminta berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) lima (5) jam sebelum waktu penerbangan bagi urusan daftar masuk, diikuti penerbangan dari KLIA ke Jeddah. Setibanya di Lapangan Terbang Jeddah, perjalanan diteruskan ke hotel di Jeddah atau Taif, bergantung kepada waktu ketibaan. Seterusnya, jemaah akan daftar masuk hotel, berehat dan bermalam di kota tersebut.

Hari 2

Jeddah / Taif – Ziarah Taif – Makkah & Umrah Pertama

Daftar keluar hotel dan bertolak ke Taif untuk menziarahi tempat-tempat menarik seperti Masjid Abdullah Ibn Abbas, Masjid Al-Kou', Masjid Saidina Ali, kawasan menara dan kilang ros. Seterusnya, jemaah akan dibawa ke Masjid Qarnul Manazil untuk berniat ihram (miqat) sebelum meneruskan perjalanan ke Makkah. Setibanya di Makkah, daftar masuk hotel dan berehat. Jemaah kemudian akan mengikuti sesi pengenalan Masjidil Haram serta melaksanakan Umrah pertama dengan bimbingan Mutawwif.

Hari 3

Makkah – Aktiviti Bebas

Aktiviti bebas atau program tambahan seperti ibadah persendirian, ziarah atau aktiviti yang dianjurkan oleh Mutawwif.

Hari 4

Ziarah Makkah & Umrah

Program ziarah sekitar Makkah merangkumi Jabal Thur, perjalanan Manasik Haji, Jabal Rahmah serta Masjid Ji'ranah. Jemaah yang berhajat untuk melaksanakan Umrah boleh berniat ihram di Masjid Ji'ranah sebelum kembali ke Makkah.

Hari 5

Makkah – Aktiviti Bebas

Aktiviti bebas atau program tambahan seperti ibadah persendirian, ziarah atau aktiviti yang dianjurkan oleh Mutawwif.

Hari 6

Hudaibiyah & Umrah

Menziarahi Masjid Hudaibiyah dan jemaah yang berhajat untuk melaksanakan Umrah boleh berniat ihram di Hudaibiyah. Program tambahan termasuk ziarah ke Muzium Al Amoudi dengan bayaran tambahan sekitar SAR3, diikuti dengan taklimat persediaan pelepasan.

Hari 7

Makkah – Madinah

Melaksanakan Tawaf Wada', daftar keluar hotel di Makkah dan bertolak menuju ke Madinah. Setibanya di Madinah, jemaah akan daftar masuk hotel dan mengikuti sesi pengenalan Masjid Nabawi.

Hari 8

Ziarah Dalam Madinah & Masjid Nabawi

Menziarahi Masjid Nabawi dan kawasan sekitarnya termasuk Perkuburan Al-Baqi', Masjid Al-Ghamamah dan Saqifah Bani Sa'idah serta ziarah dan memberi salam kepada Rasulullah SAW. Program masuk ke Raudhah adalah tertakluk kepada kelulusan dan ketetapan pihak berkuasa Arab Saudi.

Hari 9

Ziarah Luar Madinah & Badar

Program ziarah luar Madinah merangkumi lawatan ke Masjid Quba dan ladang kurma serta melalui Masjid Qiblatain, Masjid Tujuh dan Jabal Uhud. Perjalanan diteruskan ke Badar untuk menziarahi Masjid Al-Areesh, kawasan makam dan tugu Syuhada Badar, I Love Badr, Jabal Malaikat dan Telaga Rauha'.

Hari 10

Madinah – Aktiviti Bebas

Aktiviti bebas atau program tambahan untuk jemaah memperbanyakkan ibadah dan aktiviti persendirian. Taklimat persediaan pelepasan pulang ke tanah air akan diadakan.

Hari 11

Madinah – Lapangan Terbang – Kuala Lumpur

Ziarah Wida', daftar keluar hotel di Madinah dan bertolak menuju ke lapangan terbang untuk urusan daftar masuk penerbangan. Jemaah akan diberikan taklimat serta doa pelepasan sebelum berangkat pulang ke tanah air.

Hari 12

Ketibaan di Tanah Air

Dijangka tiba di tanah air. Jemaah akan diberikan taklimat ringkas dan doa selamat tiba sebelum bersurai dan meneruskan perjalanan pulang ke destinasi masing-masing.